

22 AUG 2004

MiTV (Fokus Berita)

MiTV MENGUBAH PERSEPSI SIARAN TV

Oleh: Syed Azwan Syed Ali

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- "Mengubah pandangan anda terhadap TV", begitulah lebih kurang slogan yang dicadangkan ke seluruh negara oleh MiTV Corporation Sdn Bhd (MiTV), siaran televisyen berbayar kedua, yang bakal menemui penonton seluruh negara penghujung tahun ini.

Apabila MiTV mula mendapat perhatian dengan liputan meluas media massa beberapa bulan lepas, lebih 5.5 juta isi rumah seluruh negara termasuk 1.1 juta di Lembah Klang seolah-olah sudah tidak sabar untuk mengenalinya.

Mereka ternanti-nanti apakah MiTV dapat mengubah persepsi mereka terhadap televisyen kerana kini mereka sudahpun mempunyai siaran Astro yang menyediakan lebih 40 saluran untuk dinikmati.

Apakah yang hendak ditonjolkan MiTV kepada penonton-penonton di Malaysia?

Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif MiTV Datuk Rosman Ridzwan dalam temubual dengan Bernama, berkata semasa beliau menubuhkan syarikat itu pada 1998, MiTV beroperasi dari Cyberjaya dengan memberi penekanan kepada teknologi jalur lebar.

Hasil penyelidikan dan pembangunan yang berterusan telah membawa MiTV kepada teknologi yang dimajukan di sini yang dikenali sebagai Protokol Internet melalui Frekuensi Tinggi Ultra (IP-o-UHF).

Menurut Rosman ketika beliau dan rakan-rakannya membentangkan kertas kerja penggunaan IP-o-UHF kepada Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, ia telah menarik perhatian tokoh korporat Tan Sri Vincent Tan dan September 2001, Tan bersetuju untuk melabur dalam MiTV sehingga ia dapat dikomersilkan di pasaran tempatan.

Berita mengenai MiTV tersebar apabila Reuters dalam laporannya pada 25 Mei lepas mengatakan Tan sebagai pemilik bersama syarikat itu akan melancarkan saluran televisyen berbayar kedua negara ini, Oktober depan.

"Fokus utama kami ialah kepelbagai isi kandungan siaran berbeza daripada apa yang disiarkan oleh Astro. Ia adalah objektif utama kami -- membawa kelainan kepada pelanggan," katanya Rosman kepada semasa ditemui di stesen MiTV yang beroperasi di KL Plaza, Jalan Bukit Bintang di sini.

Menyediakan pelbagai saluran, perkhidmatan interaktif dan yuran langganan yang lebih murah daripada Astro menjadi tunggak utama MiTV untuk berdiri kukuh dalam pasaran.

Rosman berkata pihaknya tidak mempunyai masalah untuk menyediakan 50 saluran kepada para pelanggannya dan melihat sejumlah empat juta isi rumah sebagai sasaran utamanya. Berdasarkan laporan sumber perindustrian dan media, daripada 5.5 juta isi rumah di negara ini, 1.5 juta daripadanya adalah pelanggan Astro.

Beliau berkata dengan saluran baru daripada MiTV dan ditambah dengan siaran Astro yang sedia ada, ia menyajikan pilihan yang luas kepada penonton yang berkemampuan mendapatkan perkhidmatan kedua-dua saluran khususnya di kawasan bandar.

"Pelanggan Astro juga boleh mendapatkan perkhidmatan yang kami sediakan sebagai tambahan citarasa untuk pengetahuan dan hiburan mereka," katanya.

Bermula dengan 50 saluran dan ia kemudiannya akan dikembangkan kepada 100 saluran, MiTV dijangka akan dapat memenuhi citarasa penonton di negara ini yang mencakupi bidang hiburan, informasi dan pendidikan.

Mengenai perkhidmatan interaktif, Rosman berkata perkhidmatan seperti e-mel, pesanan segera dan pengurusan akaun akan dimasukkan dalam kadar asas langganan tetap.

Pelanggan juga akan menikmati satu lagi perkhidmatan yang dikenali sebagai "Transaksi Berkemampuan" yang menyediakan video pilihan, muzik pilihan, permainan pilihan serta e-pelajaran. Ini bermakna pelanggan boleh memilih apa sahaja yang mereka inginkan.

Rosman berkata untuk membolehkan pelanggan mendapatkan perkhidmatan MiTV itu, mereka perlu mempunyai sebuah dekoder, antena UHF dan sebuah peti televisyen.

"Alat dekoder itu berupaya menyimpan maklumat menerusi protokol internet yang dilengkapkan di dalamnya. Pelanggan dikenakan bayaran mengikut transaksi yang dibuat sahaja. Pelanggan juga perlu membayar untuk mendapatkan dekoder ini. Harganya dibincangkan dan akan diumumkan dalam masa terdekat ini," katanya.

Inovasi tempatan yang dikenali sebagai Penggunaan Penyambung Grafik (GUI) juga akan menjadikan tontonan saluran MiTV lebih mudah dan menghiburkan, katanya.

Menurut Rosman teknologi IPTV-o-UHF akan mengurangkan kos penghantarannya dan ini menyebabkan yuran langganan MiTV lebih murah berbanding Astro.

Rosman berkata untuk fasa pertama, MiTV telah menandatangani perjanjian dengan Celcom untuk menggunakan kemudahan pemancar di Bukit Belimbing, Balakong dan Damansara untuk tempoh tiga tahun.

Ia akan meliputi kawasan seperti Kajang, Semenyih, Cheras, Damansara, Kepong dan Batu, sementara fasa kedua akan dikembangkan kepada 20 lagi kawasan dalam tempoh enam bulan.

MiTV bukanlah TV digital tetapi ia mengadaptasi standard penyiaran video digital (DVTB) untuk menyalurkan perkhidmatannya menerusi protokol internet. Pengguna juga disediakan dengan kad pintar yang boleh menangkis pengodam daripada menyerang sistem itu, katanya.

Menurut beliau pelanggan MiTV juga diberi jaminan mereka tidak akan menghadapi gangguan siaran khususnya sewaktu hujan kerana penggunaan DVBT dan IPTV-o-UHF memungkinkan siaran televisyen yang lancar.

MiTV yang akan memulakan siaran Disember ini di Lembah Klang, akan melebarkan jangkauan siarannya ke utara dalam tempoh enam bulan. Siaran menyeluruh ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak akan mengambil masa kira-kira 18 bulan.

Rosman berkata MiTV juga bercadang untuk mewujudkan sistem pra-bayar.

Pilihan akhirnya terletak di tangan pengguna iaitu sama ada untuk melanggan MiTV atau Astro atau kedua-duanya sekali.

-- BERNAMA

SYZ KHY FA MOZ